

# Perpaduan kaum pelihara keamanan

**M**ALAYSIA adalah sebuah negara istimewa kerana rakyatnya bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing dalam suasana aman damai. Perbezaan agama bukan penghalang untuk setiap penganut hidup bekerjasama dan rakyat Malaysia terbukti berjaya melakukannya.

Selain daripada istimewa, kepelbagaian bangsa, agama dan budaya rakyat negara ini juga adalah sesuatu yang unik. Lantaran itu, keistimewaan dan keunikan ini harus dipelihara dan dikekalkan.

Satu cara memelihara dan mengekalkan keistimewaan ini ialah melalui perpaduan. Perpaduan kaum yang berterusan sehingga hari ini amat menjelaskan hubungan baik yang terbina antara pelbagai bangsa

di Malaysia sejak sekian lama.

Hal ini dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika melawat Kuil Maha Vihara di Brickfields, Kuala Lumpur, semalam.

Ini bukan pertama kali Perdana Menteri meminta rakyat Malaysia supaya hidup bekerjasama dan mengekalkan perpaduan.

Sering kali beliau menjelaskan, perpaduan mesti terus menjadi matlamat pembangunan negara supaya Malaysia dapat mengekalkan keamanan serta menjadi bangsa yang maju dan berjaya.

Semua Perdana Menteri terdahulu juga melihat perpaduan sebagai batu asas dan tonggak keamanan negara dengan menjadikan perbezaan budaya, warna kulit, agama dan adat

resam sebagai keunikan dan keistimewaan bangsa Malaysia yang dibanggakan sehingga kini.

Usaha menjadi bangsa yang maju dan berjaya boleh direalisasikan melalui penghayatan erti perpaduan negara yang membawa makna rakyat pelbagai kumpulan etnik, agama dan wilayah hidup aman damai sebagai satu bangsa yang bersatu dengan memberi komitmen penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Perpaduan kaum rakyat negara ini amat penting. Namun, ada kalanya, ada segelintir rakyat masih sangsi dan ragu-ragu keistimewaan dan keunikan perpaduan kaum ini. Malah, ada juga golongan berusaha untuk membuktikan prinsip dan formula

perpaduan yang diamalkan di negara ini tidak akan kekal lama.

Usaha memecahbelahkan kaum dilakukan dengan pelbagai cara, namun dengan semangat akomodatif dan perasaan saling hormat menghormati yang diwarisi setiap budaya dan agama, usaha itu berjaya dipatahkan.

Sifat menghormati dan akomodatif kepada perbezaan kepelbagaian bangsa, agama dan budaya rakyat telah menjadi asas dan kekuatan kepada perpaduan.

Betapa pentingnya rakyat Malaysia mengekalkan perpaduan, dunia menyaksikan bagaimana sebuah bangsa atau negara yang rapuh perpaduan dijajah, hidup melarat, merempat akibat diperlakukan dengan kejam di bumi sendiri.

Peristiwa itu perlu dijadikan sebagai ingatan kepada rakyat negara ini supaya mempertahankan semangat perpaduan dan nilai murni yang tinggi dalam kehidupan yang tidak memandang rupa, warna kulit dan perbezaan budaya.

Semangat perpaduan perlu sentiasa subur di setiap sanubari rakyat Malaysia.

Ia perlu dipupuk sejak kecil supaya penghayatan dan pengamalan perpaduan dapat diterjemahkan kepada kehidupan yang penuh dengan nilai kasih sayang dan kehidupan yang aman damai.

**DR SAPORA, SIPON,**  
*Universiti Sains Islam Malaysia*  
*Negeri Sembilan.*